

Dakwaan hapus, kurangkan pencen pesara tak munasabah

BH - 5/11/2023 w/k: 3

Perdana Menteri jelaskan isu bayaran babit peruntukan dalam Perlembagaan

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Khabar angin bahawa Kerajaan Perpaduan akan mempertimbangkan penghapusan atau pengurangan pencen kepada pesara, termasuk bekas anggota Kabinet adalah tidak

munasabah, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, ini kerana perkara berkaitan pencen membabitkan soal peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, beliau berkata, cadangan memansuh atau mengurangkan pencen anggota Kabinet harus diteliti dan dirujuk semua pihak.

“Ada uar-uar kononnya Kerajaan Perpaduan ini akan menimbangkan untuk menghapuskan pencen (pesara) atau mengurangkan, itu tidak munasabah kerana isu ini soal Perlembagaan dan harus diteliti dan dirujuk semua pihak,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet, di

Bangunan Perdana Putra, di sini semalam.

Beliau mengulas kenyataan bekas Ahli Parlimen Kangar, Noor Amin Ahmad, semalam bahawa kerajaan mampu menjimatkan antara RM100 juta sehingga RM150 juta perbelanjaan negara setiap tahun sekiranya pencen bekas anggota Kabinet dimansuhkan.

Noor Amin dilaporkan berkata, berdasarkan sistem semasa negara dan jumlah bekas Kabinet yang layak menerima pencen, kos yang ditanggung Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen adalah RM100 juta hingga RM150 juta setahun.

Katanya, pihak berkenaan sepatutnya tidak perlu diberikan pencen kerana ia dibayar ber-

dasarkan cabang sistem eksekutif, bukan legislatif dan cukup sekadar mengambil gratuiti yang lumayan.

Kemudahan kereta dibatal

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, setakat ini tindakan yang boleh dilaksanakan sebagai langkah penjimatan adalah bekas menteri yang mendapat kemudahan kereta, dibatalkan.

“Setakat ini, (langkah) itu lebih baik (kerana) melibatkan peraturan pentadbiran dan tidak melibatkan Perlembagaan,” katanya.

Ditanya mengenai jangkaan penganalisis ekonomi bahawa Kadar Dasar Semalam (OPR) akan meningkat dua kali tahun ini, Anwar menjelaskan keputu-

san membabitkan OPR adalah di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia (BNM) berdasarkan kepada peraturan dan undang-undang sedia ada.

Katanya, perkara itu boleh dibincangkan bersama-sama Kementerian Kewangan, tetapi bidang kuasanya tetap di bawah BNM.

Bagaimanapun, beliau berkata, perbincangan juga akan dijalankan dengan Gabenor Bank Negara serta Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli sebelum Belanjaan 2023 dirangka.

“Pendekatan itu pernah saya lakukan dulu. Ia tidak asing kerana tindakan mana-mana pihak itu juga akan membabitkan dasar ekonomi keseluruhannya,” katanya.